



## Imej arketaip dalam puisi Sabak

### *Archetypal Images in Sabak Poetry*

Laura Seman

[lauraseman@ymail.com](mailto:lauraseman@ymail.com)

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Received: 08 March 2020, Accepted: 17 June 2020, Published: 18 June 2020

### ABSTRAK

Puisi rakyat Iban dikenali sebagai *Leka Main* dan dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu *Leka Main Invokasyon* (Invokasi), *Leka Main Adat Basa* (Adat) dan *Leka Main Pemerindang* (Hiburan). Puisi *sabak* tergolong dalam puisi invokasi. Puisi *sabak* sangat unik dan memiliki pelbagai imej arketaip. Kertas ini fokus kepada imej arketaip yang terdapat dalam teks *sabak*. Masyarakat Iban khasnya generasi muda kurang jelas tentang maksud setiap perkataan atau imej yang digunakan dalam puisi *sabak*. Imej arketaip ini dianalisis daripada teks puisi *sabak* daripada buku *Sabak* oleh Robert Menua Salleh di samping temu bual bersama responden yang terlibat iaitu tukang *sabak*. Teori arketaip oleh Carl Jung digunakan dalam kajian ini dengan melihat kepada imej arketaip dalam puisi *sabak*. Kajian kualitatif digunakan iaitu dengan analisis sebahagian buku *Sabak* dan temu bual. Hasil dapatan dalam analisis teks *sabak* dan temu bual mendapati penggunaan objek dalam puisi *sabak* seperti besi, *tabak* yang berisi makanan, rama-rama dan sebagainya merujuk kepada imej arketaip yang hanya difahami oleh kelompok masyarakat Iban. Kajian ini diharap dapat membantu generasi muda untuk lebih memahami penggunaan objek tertentu dalam puisi *sabak* dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar sekolah untuk mudah memahami penggunaan imej arketaip dalam puisi *sabak*.

**Kata kunci:** *sabak*, imej arketaip, *leka main*, tukang *sabak*

### ABSTRACT

The Iban folk poem is known as *Leka Main* and categorized into three types, that is *Leka Main Invokasyon* (Invocation Poetry), *Leka Main Adat Basa* (Custom Poetry) and *Leka Main Pemerindang* (Entertainment Poetry). *Sabak* poems belong to invocation poetry. *Sabak* poem is very unique and has a variety of archetype images. This paper focuses on the archetypal images contained in *sabak* text. The Iban community, especially the younger are less clear on the meaning of every word or image used in *sabak* poem. The archetypal image was analyzed from the text of a *sabak* poem from the book of *Sabak* by Robert Menua Salleh in addition to an interview with tukang *sabak*. The theory of archetypal by Carl Jung was used in this study by analysis the image of archetypal in *sabak* poem. Qualitative research is used by analysis part of *Sabak* book and interviews. Results in the analysis of *sabak* poem and interviews found the use of objects such as iron, *tabak* that contained foods, butterflies and so on referring to archetypal images only understood by the Iban community. This study aims to help young people to understand better the use of certain object in *sabak* poetry and to assist the teaching and learning process of students to easily understand the use of archetypal images in *sabak* poetry.

**Keywords:** *sabak*, archetypal images, *leka main*, tukang *sabak*

### PENGENALAN

*Leka main* (puisi rakyat Iban) yang disebut sebagai *sabak* ialah ratapan dalam nyanyian untuk mengiringi semangat (roh) si mati ke *Sebayan*. Intipati dalam puisi tersebut ialah penceritaan mengenai kehidupan si mati serta meluahkan perasaan sedih setelah ditinggalkan si mati. Oleh kerana *sabak* bertujuan untuk mengiringi roh si mati ke *Sebayan*, iaitu suatu tempat yang dipercayai menjadi





tempat tinggal selepas mati, seorang tukang *sabak* akan dijemput khas untuk melagukan puisi *sabak* sepanjang malam.

*Sabak* digunakan dalam upacara kematian dan dilagukan oleh tukang *sabak* yang dijemput khas. Tukang *sabak* ini bukanlah sembarangan orang kerana orang tersebut memang pakar dalam bidang tersebut. Menurut mitos tentang puisi *sabak*, orang Iban yang pertama menjadi tukang *sabak* untuk si mati ialah Remi anak Serapuh. Kononnya, pada suatu hari, beberapa orang wanita yang berasal dari *Sebayan* (tempat orang mati yang sudah meninggal) sedang berjalan lalu melalui kawasan perhumaan miliknya ketika dia melakukan kerja-kerja merumput. Rombongan wanita tersebut berjalan menuju ke sebuah rumah panjang tempat perayaan Gawai Antu (perayaan sebagai mengenang orang yang sudah meninggal dunia). Wanita-wanita tersebut memberitahunya bahawa orang yang telah meninggal dunia harus diingati dengan puisi ratapan. Mereka mengajarnya melagukan *sabak* berkenaan. Sejak hari itu, *sabak* digunakan dalam upacara kematian.

Setiap ungkapan yang dilafazkan oleh tukang *sabak* serta teks *sabak* membawa makna tertentu. Rubenstein (1973) berpendapat bahawa tidak ramai lagi pemuisi yang mahir menzahirkan puisi rakyat ini. Chemaline Osup (2006) mengatakan bahawa leka main ialah puisi yang lahir dari peradaban awal masyarakat Iban. Namun, ramai kaum Iban sendiri khasnya golongan muda pada hari ini kurang didedahkan tentang puisi rakyat Iban termasuklah puisi *sabak* ini. Masyarakat Iban juga kurang jelas tentang ungkapan atau imej arketaip yang hadir dan digunakan dalam puisi *sabak*. Pada zaman moden ini hanya segelintir masyarakat Iban yang memahami maksud setiap ungkapan yang digunakan dalam puisi *sabak*. Segelintir masyarakat ini lebih kepada golongan tua atau sudah berusia. Jika golongan ini telah pergi suatu hari nanti, pasti kesukaran untuk mentafsirkan maksud setiap ungkapan terjadi. Penjelasan tentang maksud ungkapan dan imej arketaip yang digunakan perlulah diketahui supaya masyarakat khasnya golongan muda lebih faham tentang puisi *sabak*.

Sebelum ini, pengkaji lebih berfokus kepada budaya hidup dan ritual yang diamalkan dalam oleh masyarakat Iban. Pengkaji dari luar negara iaitu, Vinson H. Sultive dan Patricia Matusky ada membuat kajian tentang puisi *sabak* dan ritual kematian masyarakat Iban, namun tidak secara menyeluruh kerana hanya tertumpu kepada beberapa aspek sahaja. Vinson H. Sultive (2003) lebih menfokuskan kajiannya kepada penjelasan umum tentang puisi *sabak*, jenis puisi *sabak* serta fungsinya dalam masyarakat Iban. Patricia Matusky (2012) pula lebih melihat dan mengkaji puisi *sabak* dari aspek fonologi yang berkait rapat dengan lafazan *sabak*. Kajian terhadap puisi *timang* (*pengap*), *pelian* dan *sabak* dilakukan oleh Patricia Matusky bagi mendokumentasi dan mendeskripsi penggunaan stail muzik yang terdapat dalam puisi-puisi tersebut. Akhir kajian beliau, ketiga-tiga puisi kajian tersebut memiliki stail muzik yang begitu berbeza dan tidak sama. Kajian Vinson dan Patricia hanya melihat kepada aspek fungsi dan fonologi sahaja. Jadi, kajian ini dilakukan untuk mengkaji imej arketaip yang terdapat dalam teks dan puisi *sabak*. Justeru itu, kajian saya ini akan mengkaji imej arketaip dalam puisi *sabak*. Setiap ungkapan yang digunakan oleh tukang *sabak* akan diselidik dan dikaji untuk menjelaskan makna sebenarnya. Kajian ini diharap dapat memberi penjelasan kepada masyarakat tentang makna setiap ungkapan yang digunakan dalam puisi *sabak*. Kajian ini juga dapat membantu para mahasiswa untuk mendalami puisi *sabak* sebagai sumber kajian. Di samping itu, kajian ini dapat membantu para pendidik dalam menjelaskan makna ungkapan perkataan sukar yang terdapat dalam puisi *sabak* kepada para pelajar. Dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah.

## SOALAN KAJIAN


- (i) Apakah imej arketaip yang digunakan dalam puisi *sabak*?

## OBJEKTIF KAJIAN

- (i) Menganalisis imej arketaip yang digunakan dalam puisi *sabak*.



## METODOLOGI



Rajah 1: Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan teori arketaip yang dipelopori oleh Carl Jung. Aspek yang dikupas dalam teori arketaip ini termasuklah pemikiran ghaib, iaitu dunia lain (*Sebayan*), kepercayaan pegangan masyarakat Iban tentang *sabak*, pengembaraan ke dunia *Sebayan*, dan imej arketaip. Penyelidikan yang dijalankan ialah kajian kualitatif yang menggunakan data yang bersifat kualitatif. Data kajian diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan untuk memperoleh dapatan kajian ialah:

Jadual 1: Reka bentuk penyelidikan

| Reka bentuk kajian | Kaedah pengumpulan data | Responden/Sampel | Jenis data                    |
|--------------------|-------------------------|------------------|-------------------------------|
| Kajian kepustakaan | Analisis dokumen/buku   | Buku “Sabak”     | Kualitatif (analisis dokumen) |
| Kajian lapangan    | Temu bual               | Tukang sabak     | Kualitatif                    |

Kajian ini menggunakan dua reka bentuk kajian yang utama, iaitu kajian pustaka dan kajian lapangan. Kajian pustaka digunakan untuk menganalisis dokumen dan buku teks *sabak*, ‘*Sabak*’. Teks-teks terlibat akan dilampirkan bersama kajian ini dan dianalisis. Kajian lapangan digunakan iaitu temu bual bersama responden kajian, iaitu *tukang sabak* yang terpilih.

Dalam kajian ini, kaedah yang dijalankan oleh pengkaji bagi mendapatkan data, iaitu kaedah menganalisis buku dan temu bual. Pendekatan analisis juga digunakan untuk menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kajian di samping pendekatan kualitatif yang mendasari kaedah kajian dalam penyelidikan ini. Kajian kualitatif dilakukan dalam latar belakang semula jadi dan pengkaji adalah instrumen utama dalam pengumpulan data (Othman Lebar, 2009). Data tersebut akan dikumpul daripada pelbagai sumber, tidak kira dalam bentuk gambar atau perkataan. Kajian dijalankan menggunakan sumber primier dan sumber sekunder. Bagi sumber sekunder, pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian berdasarkan buku-buku, bahan bacaan daripada internet, jurnal, buletin dan juga kajian daripada beberapa orang penyelidik. Data primier pula diperoleh melalui temu bual. Temu bual dijalankan kepada empat orang tukang *sabak* di kawasan kajian. Penggunaan kaedah temu bual ini merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang jelas



tentang kajian ini. Hal ini kerana, responden merupakan *tukang sabak* yang memang berpengalaman dan terlibat secara langsung dengan kajian penyelidikan. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur dengan responden. Penjelasan yang jelas dan terperinci akan membantu kajian ini. Kelonggaran akan diberikan kepada responden untuk menjawab soalan dalam bahasa Iban memandangkan responden kajian berbangsa Iban dan berkebolehan bertutur dan memahami dalam bahasa Iban sahaja. Sampel kajian diperoleh di beberapa buah kampung di kawasan Debak dan Pakan, Sarawak.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan tentang mitos dan keagamaan antara elemen yang dipelajari oleh ahli psikologi dari Swiss, iaitu Carl Jung. Teori tentang jiwa manusia diterapkan oleh beliau dalam konsep arketaip. Konsep arketaip ini banyak digunakan dalam puisi sabak. Lebih-lebih lagi arketaip berfokus kepada pola yang ada dalam sesebuah kesusasteraan. Cremers (1986, ms.14) menjelaskan bahawa C.G Jung pernah menghuraikan secara fenomenologi beberapa arketaip penting dalam proses individu seperti “persona, shadow, animus dan anima, the Great Mother, the Old Wise Man, dan Selbst. Berdasarkan teori arketaip ini, pengalaman seseorang manusia itu dijelaskan dengan melohat kepada antropologi psikologi, arkeologi, sejarah dan agama. Pengalaman tukang sabak diberikan penekanan dalam teori ini terutamanya semasa dia melagukan puisi sabak. Elemen-elemen seperti plot, simbol-simbol, imej dan watak boleh menjadi sebagai arketaip. Pengelasan jenis-jenis arketaip ini boleh dijelaskan berdasarkan cerita mitos, rakyat dan agama, fantasi dan mimpi serta filem, drama dan sastera. Penceritaan tentang perjalanan menghantar roh si mati ke dunia *Sebayan* boleh dikatakan mitos dan banyak unsur arketaip di dalamnya oleh kerana upacara ritual ini hanya dilakukan oleh masyarakat Iban pada masa dahulu. Carl Jung juga menjelaskan bahawa perkongsian alam tidak sedar oleh setiap manusia adalah secara kolektif. Di bawah alam tidak sedar inilah terjadinya pengumpulan dan percantuman memori dan gambaran yang diperolehi daripada pengalaman lepas. Dapatlah dirumuskan bahawa segala pengalaman berpaksikan mimpi, penglihatan, mitos atau dongeng, simptom neurotik dan psikotik, ritual dan adat serta karya seni merupakan arketaip.

Di bawah alam tidak sedar, pelbagai jenis arketaip seperti kematian yang berlaku kepada setiap manusia. Pelbagai imej arketaip yang digunakan dalam upacara ritual kematian masyarakat Iban termasuk penggunaan tukang sabak bagi menghantar roh si mati ke *Sebayan* atau syurga. Kepercayaan sesuatu masyarakat, imej budaya dan corak tradisional juga diteliti. Dalam kajian ini, kepercayaan masyarakat Iban bahawa tukang *sabak* mempunyai kebolehan menghantar roh si mati ke *Sebayan*. Terdapat simbol arketaip juga menunjukkan maksud yang sama seperti perkataan ‘midang’ dan ‘lelang’ memberi maksud kematian. Sastera yang dihasilkan oleh manusia sendiri sebenarnya bertujuan untuk memberitahu sesuatu perkara yang mempunyai maksud serta penting. Makna yang terhasil dari simbol ini yang menjadi sasaran oleh kritikan arketaip. Dalam sesebuah masyarakat pastinya memiliki ceritanya yang tersendiri yang menjadi lagenda. Masyarakat Iban mempunyai pelbagai jenis cerita. Salah satu daripadanya ialah cerita tentang Lemambang dan adik perempuannya. Lemambang merupakan seorang lelaki yang gemar pergi menyempit. Pada suatu hari, Lemambang pergi ke hutan untuk menyempit seperti biasa. Namun, adiknya berasa pelik kerana abangnya belum balik lagi walaupun hari telah senja. Disebabkan itu, adik perempuannya berasa sangat susah hati tentang abangnya. Setelah penat menunggu, akhirnya dia memanggil abangnya dengan nyaring. Setelah puas dia memanggil abangnya, tiba-tiba muncul seseorang yang misteri. Wajah orang tersebut besar, bulu tangannya lebat, giginya besar seperti buah pisang lalu matanya sebesar buah terung bulat. Sebaik sahaja dia tiba di hadapan adik Lemambang, dia terus menarik tubuh perempuan tersebut lalu menelannya hidup-hidup. Lemambang yang bermalam di hutan akhirnya balik ke rumah pada keesokan paginya. Apabila dia sampai, dia mendapati bahawa adiknya tiada di situ. Setelah lama dia mencari adiknya di kawasan rumahnya, dia menjumpai setitik darah sebesar kepala lalat di atas daun. Disebabkan hatinya berasa risau, dia lalu pergi berjumpa dengan Ini Inda Rabung Menua, Ini Inee Rabung Hari di langit. Ini Inda ini merupakan seseorang yang luar biasa dan mempunyai kehebatan dan kuasa. Sebaik sahaja Lemambang membawa Ini Inda turun ke bumi, dia lalu memulakan tugasnya. Ini Inda terus mengayak darah pada daun tersebut menggunakan bekas sayur, seterusnya dikipasnya





menggunakan 'chapan'. Lama-kelamaan darah tersebut semakin membesar dan berubah menjadi sesusuk tubuh manusia yang menyerupai adik perempuan Lemambang. Setelah adiknya hidup semula, Lemambang memberikan nama kepada adiknya, iaitu Kelitak Darah Menyadi kerana dia berasal daripada darah.

Pelbagai lambang dan simbol boleh menjadi imej arketaip. Antaranya ialah alam semula jadi yang ada di sekeliling. Contohnya, alam semula jadi seperti air memberi maksudnya sendiri. Air laut yang penuh misteri boleh digunakan untuk merujuk kepada penciptaan manusia dan alamnya, kelahiran dan kematian. Air juga boleh menandakan penyucian dan penebusan. Bagi masyarakat Kristian, air digunakan untuk membaptis seseorang yang telah menerima Kristus di dalam hidupnya. Dalam puisi *sabak*, imej air juga turut ada. Air Batang mandai merupakan imej air yang terdapat dalam puisi *sabak*. Sebayan, iaitu dunia orang yang sudah meninggal dunia dikatakan terletak di Batang Mandai.

Merah juga sering digunakan untuk menunjukkan darah seperti aliran air di bawah jambatan yang dikenali sebagai Titi Rawan. Jambatan Titi Rawan ini antara tempat yang dilalui sepanjang perjalanan roh si mati ke Sebayan. Jambatan ini dikatakan kecil dan bergoyang-goyang. Bawahnya merupakan aliran air darah manusia yang berwarna merah.

Pengalaman manusia boleh terdiri daripada yang baik dan yang tidak baik. Oleh itu, pengalaman ideal dan tidak ideal ini mencetuskan lambang arketaip. Pengalaman ini boleh didapati berdasarkan kehidupan di sekeliling. Pengalaman ideal dalam puisi *sabak* apabila roh si mati akan bersatu dengan ahli keluarganya yang telah lama meninggal dunia. Ahli keluarganya di dunia Sebayan menyambut kedatangannya dengan gembira dan bersukaria. Manakala unruk pengalaman tidak ideal, si mati terpaksa berpisah dengan ahli keluarganya yang masih hidup. Pengalaman tidak ideal ini menimbulkan kesedihan kepada si mati yang masih ingin hidup dan tinggal bersama keluarganya di dunia.

Watak tukang *sabak* dalam puisi *sabak* digambarkan sebagai hero kerana dia yang bertugas menghantar roh si mati selamat sampai di Sebayan. Watak tukang *sabak* ini ialah pengalaman ideal. Dalam konteks hubungan manusia pula, pengalaman tidak ideal terjadi apabila si mati terpaksa berpisah dengan ahli keluarganya yang masih hidup.

Pakaian juga boleh mewujudkan lambang arketaip. Contohnya semasa kematian, ahli keluarga kepada si mati akan memakai pakaian berwarna gelap untuk menunjukkan kesedihan dan perkabungan. Pakaian yang berwarna hitam atau gelap ini merupakan pengalaman tidak ideal. Tubuh badan manusia juga lambang arketaip yang digunakan untuk menunjukkan pengalaman ideal dan tidak ideal. Keshatan yang baik dan tubuh badan yang sihat ialah pengalaman ideal manakala kesakitan dan kematian ialah pengalaman tidak ideal.

Dalam ritual kematian juga, lambang arketaip dalam makanan turut ada. Contohnya, ahli keluarga yang tinggal bersama dengan si mati semasa hidupnya akan makan nasi pana (pulut hitam) dalam tempoh perkabungan. Nasi pana yang dimakan tersebut merupakan pengalaman yang tidak ideal.

Dari kumpulan haiwan pula, burung bubut merupakan imej arketaip daripada pengalaman tidak ideal. Apabila burung bubut berbunyi, masyarakat Iban percaya bahawa ada berita buruk atau kematian terjadi. Mengikut mitos, burung bubut berbunyi jika adanya kematian. Oleh sebab itu masyarakat Iban tidak suka kepada burung bubut kerana membawa berita buruk. Selain itu juga, bunyi tangisan dan ratapan *sabak* merupakan pengalaman tidak ideal dalam lambang arketaip. Tangisan dan ratapan dalam puisi *sabak* lebih kepada kesedihan si mati dan keluarga si mati. Menerusi puisi *sabak*, jelas tergambar kesedihan yang menyelubungi jiwa mereka.

Unsur-unsur arketaip dalam puisi *sabak* dikaji menggunakan teori arketaip. Selain mengkaji aspek simbol dan lambang yang terkandung dalam puisi *sabak*, teori arketaip ini juga berupaya memberi gambaran unsur perulangan yang ditampilkan daripada sudut kejiwaannya. Kajian serta analisis tentang penggunaan konsep magis dititikberatkan kerana karya puisi *sabak* ini memiliki ciri-ciri luar biasa atau supernatural dengan penglibatan peristiwa seperti kematian.

Imej arketaip yang terangkum dalam puisi *sabak* ini merupakan salah satu elemen dalam analisis data yang dibincangkan dalam bab ini. Persoalan dalam puisi *sabak* tersebut seperti perjalanan menghantar roh si mati ke *Sebayan*, pengembaraan semasa menghantar roh si mati, kematian dan elemen fantasi yang ada sehingga menimbulkan pertanyaan dalam fikiran pengkaji.







Perkaitan antara puisi sabak ini dengan kuasa yang luar biasa seperti kebolehan tukang *sabak* menghantar roh si mati ke *Sebayan* dilihat dari segi pemikiran.

Imej arketaip sangat unik kerana hanya difahami dan dipercayai oleh sesuatu kaum atau kelompok yang mengamalkan dan mempercayainya sahaja. Pemikiran ngaib yang ada dalam puisi *sabak* tergambar semasa ratapan oleh tukang *sabak*. Tukang *sabak* berkebolehan menggambarkan setiap tempat atau destinasi yang ada sepanjang perjalanannya menghantar roh si mati ke *Sebayan*. Susunan perjalanan yang rapi dan terperinci membuatkan pengkaji teruja untuk mengetahui pemikiran ngaib mereka. Dunia lain yang ada dalam puisi sabak merupakan dimensi yang berbeza berjaya digambarkan oleh tukang *sabak*. Kehebatan tukang *sabak* dalam menyebut satu persatu tempat yang terdapat di dunia *Sebayan* sangat persis dan menunjukkan kebolehannya yang luar biasa. Kepercayaan dalam masyarakat Iban bahawa roh si mati mesti dihantar ke *Sebayan* untuk berjumpa dengan ahli keluarganya yang telah lama meninggal dunia diwujudkan dalam puisi sabak ini. Kepercayaan ini bersifat arketaip kerana hanya masyarakat Iban sahaja yang percaya bahawa perlunya menghantar roh si mati ke dunia lain atau *Sebayan* bagi membolehkannya bersatu dengan saudara-maranya.

Barang-barang yang digunakan oleh tukang *sabak* dalam puisi sabak juga merupakan imej arketaip yang mempunyai maksudnya. Pertama, penggunaan *tabak* yang mengandungi makanan kegemaran si mati seperti bertih jagung, nasi pulut, kuih penganan, ubi keledek, keladi, tembakau, sirih dan kapur. *Tabak* yang mengandungi makanan kegemaran si mati ini akan dihantar kepada si mati menerusi puisi *sabak* oleh tukang *sabak*. Makanan untuk si mati tidak selalunya ada dan hanya wujud apabila adanya kematian. Makanan kegemaran si mati ini bersifat arketaip kerana tidak selalunya ada dan hanya diberikan kepadanya. Lebih menarik lagi, mengikut kepercayaan masyarakat Iban yang masih mempercayai adat lama ini, si mati dikatakan akan memakan segala makanan yang telah diberikan kepadanya. Namun, peristiwa pengambilan makanan oleh si mati tidak dapat dilihat dengan pandangan mata kasar kerana wujudnya pemisah antara dunia orang yang masih hidup dengan dunia orang yang sudah meninggal dunia.

Besi yang digunakan oleh tukang *sabak* merupakan objek perlindungan kepada tukang *sabak*. Benda-benda ini dipercayai berupaya memberi kekuatan dan perlindungan kepada tukang *sabak*. Besi tersebut haruslah digigit terlebih dahulu sebelum mereka boleh mula meratapi si mati. Semasa turun ke kawasan kajian lapangan juga, pengkaji melihat sendiri tukang *sabak* mengigit pisau kecil sebelum melagukan puisi *sabak* ini. Tukang *sabak* juga akan meletakkan besi di bawah kakinya semasa meratapi si mati supaya rohnya tetap kuat dan tidak akan diapa-apakan oleh roh jahat. Dikatakan bahawa roh tukang *sabak* keluar daripada jasadnya untuk mengiringi roh si mati ke *Sebayan*. Dengan barang-barang perlindungan seperti besi, parang atau pisau, tukang *sabak* berupaya menjaga keselamatan roh mereka agar kembali daripada menghantar roh si mati dengan selamatnya.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, burung memainkan peranan yang penting. Sebelum keluar menjalankan sesuatu pekerjaan atau keluar berburu, masyarakat Iban pada zaman dahulu akan mendengar dahulu sekiranya ada bunyi burung. Dalam puisi *sabak*, burung bubut merupakan imej arketaip yang dikaji. Burung bubut tidak disukai oleh masyarakat Iban kerana membawa maksud yang tidak baik, contohnya kematian. Apabila burung bubut berbunyi, pastinya ada kematian yang dipercayai terjadi di kawasan terdekat. Berdasarkan analisis dalam dapatan kajian, roh si mati yang berjalan balik ke *Sebayan* akan melalui rumah Bunsu Bubut (burung bubut). Dia dipelawa oleh Bunsu Bubut untuk singgah di rumahnya sebelum meneruskan perjalanan ke *Sebayan*. Namun, pelawaan Bunsu Bubut ditolak oleh si mati menyebabkan Bunsu Bubut bersedih dan berbunyi. Keadaan rumah Bunsu Bubut yang buruk menyebabkan si mati tidak teringin untuk singgah. Si mati dikatakan berpeluang untuk hidup kembali seandainya dia singgah di rumah Bunsu Bubut. Malangnya, tiada seorang pun berhenti atau singgah di rumah burung bubut kerana keadaan rumahnya yang nampak buruk dari luar. Biar pun Bunsu Bubut mengatakan bahawa dia akan menghiburkan si mati, namun si mati tidak mengendulkannya.

Kemunculan rama-rama dalam adat kematian masyarakat Iban juga dipercayai “tetamu” atau ahli keluarga si mati yang datang dari *Sebayan* untuk menjemputnya. Rama-rama ialah suatu elemen yang misteri dalam adat kematian masyarakat Iban. Rama-rama yang muncul semasa adat kematian masyarakat Iban bukanlah rama-rama biasa dilihat. Rama-rama ini dipercayai sebagai ahli keluarga dan tetamu kepada si mati yang datang dari *Sebayan* dengan tujuan untuk menjemput si mati. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, kehadiran rama-rama ini sebagai tetamu dari *Sebayan* turut disokong dan dipercayai oleh tukang *sabak* yang bertugas meratapi si mati.



Kepercayaan tukang *sabak* ini berpunca daripada pengalaman mereka sendiri. Mereka menceritakan bahawa rama-rama akan muncul semasa. Rama-rama ini tidak naik ke rumah, namun berkeliaran di halaman rumah sahaja kerana orang dari *Sebayan* dikatakan tidak boleh naik ke rumah si mati.

Imej arketaip berdasarkan analisis puisi *sabak* kenang berdasarkan buku *Sabak* karya Robert Menua Salleh adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2: Imej Arketaip dalam Puisi *Sabak*

| Bil | Imej Arketaip                                                                                                                                      |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Ukai aku tau'ngeramban de' ke udah <i>padam</i><br>(Bukannya saya boleh menyanyikan lagu cinta kepada kamu yang telah tiada)                       |
| 2   | Kasih aya' bujang aku enda'alalah kenang aku <i>midang</i> , ga' indai<br>(Kesian pak cikku yang tidak terdayaku kenangi telah pergi, ibunya)      |
| 3   | Ke sangat <i>kudi'</i> ditinggal ke de'<br>(yang sangat sengsara ditinggalkanmu)                                                                   |
| 4   | Enti' nyawa aku nadai didinga nuan ke gali' di linti' <i>tikai sapar sigi'</i><br>(Jika suaraku tidak didengarmu yang baring di tikar sapar sigi.) |
| 5   | Ke dulu' melakang baruh takang <i>bintang buyu'</i><br>(yang dulu pergi)                                                                           |

Naka' pengelembau enggai meh aku aka' tuai  
Ngesai ke selambai telengkam dabung geman,  
Aku aya' lantang bujang ganggam.  
Ukai aku tau' ngeramban de' ke udah *padam*.  
Nyawa aku nadai nyengala didinga nuan ke gali' di linti'.  
Tikai bemban dianyam.  
Kasih amai meh aya' lantang aku enda' ninga kenang aku indai.  
Angka kelingkam dabung geman aku sangat enda' nyaris deram-deram,  
Munyi anak belikan enggi' Kayan Lepu' Jingan,  
Ke tau' dikenai' orang benjun ke papan ke sesingam manggum ilang.  
Kasih aya' bujang aku enda' alah kenang aku *midang*, ga' indai.

*Midang* dan *padam* dalam rangkap puisi di atas merupakan imej arketaip yang memberi maksud kematian. *Padam* membawa maksud tidak bernyala. Keadaan yang gelap gelita akan membuatkan seseorang itu kehilangan arah tuju kerana tidak dapat melihat objek di sekelilingnya. *Midang* (pergi) dan *padam* merujuk kepada si mati yang telah meninggal. Selain menggunakan perkataan seperti mati dan meninggal dunia, *midang* digunakan untuk merujuk kepada pemergian si mati. Imej arketaip *padam* membawa maksud yang pelbagai secara langsungnya. Namun, berdasarkan penggunaannya dalam puisi *sabak*, *padam* juga merujuk kepada si mati yang telah meninggalkan dunianya dan pergi ke *Sebayan*.

Kati ku' aku deka' ngading de' aya' suli',  
Enti' nyawa aku nadai didinga nuan ke gali' di linti' *tikai sapar sigi'*  
Tang semadi meh aku, laban dibai' ati aku runtuh rugi,  
Ke bangat *kudi'* ditinggal ke de'  
Angka nadai didinga de' meh aku wai menyadi'.  
Nyawa aku ke berebigi' nyaris begerantang.

*Tikai sapar sigi* ialah tikar yang digunakan oleh si mati. Mayat si mati akan dibaringkan di ruai di atas segulung tikar yang dikenali sebagai *tikai sapar sigi*. Istimewanya tikar ini adalah kerana anyamannya yang lebih menarik daripada tikar biasa. Tikar ini dikatakan bernilai tinggi dan dianggap berharga. Apabila si mati meninggal dunia, ahli keluarganya membaringkan si mati di atas *tikai sapar sigi*. Hal ini membuktikan betapa ahli keluarga si mati sangat menyayangi si mati dan memberi penghormatan terakhir kepada si mati dengan membaringkannya di tikar yang bernilai. Jelas membuktikan bahawa ekspresi kasih sayang dapat dinyatakan dalam bentuk apa jua sehingga ke akhir hayat orang yang disayangi. Masyarakat Iban memang dikenali dengan perasaan kasih dan sayangnya kepada anggota keluarga. Bahkan, semasa mayat dimasukkan ke dalam keranda sekalipun, mereka akan memasukkan kembali pelbagai barangan milik si mati seperti pakaian, barang kemas bagi yang perempuan dan keperluannya semasa hidup. Dengan membekalkan barangan ini untuk si mati, si mati tidak akan hidup susah di dunia *Sebayan* nanti.

*Kudi* dalam bahasa Melayu ialah keadaan cuaca yang berpetir, ada kilat dan guruh. Apabila keadaan cuaca yang buruk berlaku, ketakutan akan melanda perasaan kerana pelbagai kebimbangan tercetus dalam minda. Imej arketaip ini digunakan oleh tukang *sabak* untuk menjelaskan kesedihan dan keadaan hidup saudara yang huru-hara ditinggalkan si mati. Pelbagai perasaan timbul apabila mendengar berita bahawa si mati telah meninggalkan ahli keluarganya. Bagi yang tidak menjangkakannya, berita tersebut umpama ribut petir yang melanda hati mereka. Imej arketaip *kudi* memperlihatkan keadaan hidup keluarga si mati apabila ditinggalkan oleh si mati yang sangat disayangi. Cuaca yang buruk itu sudah menimbulkan ketakutan kepada manusia lebih-lebih lagi apabila berada sendirian sahaja. Begitulah keadaan hidup ahli keluarga si mati apabila kehilangan permata hati yang sangat disayangi selama ini.

Lalu nadai ga' aku tetimpai ke sida' iya ke belian betanjat tubu'.  
Betisir lamba' medang.  
Ari nya' meh aku tetentang ke sida' menimang,  
Ke dulu' melakang baruh takang *buyu*'.

Seterusnya ialah imej arketaip 'bintang buyu', yang bermaksud mimpi yang mengerikan. Bintang atau buruj Pleiades, Orion dan Sirius yang terdapat di langit dan digunakan oleh masyarakat Iban terutamanya untuk penanaman padi dikenali sebagai *Bintang Banyak*, *Bintang Tiga* dan *Bintang Buyu*. Pada masa dahulu masyarakat Iban percaya bahawa *Petara* (tuhan) akan menghantar tanda menggunakan bintang ini untuk mengingatkan mereka bermulanya dan berakhirnya musim pertanian, khususnya penanaman padi. Maknanya *buyu* merujuk kepada sesuatu perkara yang tidak elok. Dalam masyarakat Iban sendiri terdapatnya hantu yang digelar sebagai *Antu Buyu*. *Antu buyu* ialah hantu yang suka mengganggu manusia terutamanya kanak-kanak dan golongan wanita. Mengikut kepercayaan lama masyarakat Iban, *antu buyu* ini wujud dalam rupa binatang seperti kijang, labi-labi, buaya dan sebagainya. Terdapat enam jenis spesies hantu ini yang dikenali oleh masyarakat Iban. Pertamanya, *buyu anak* iaitu hantu yang dikatakan membunuh kanak-kanak kecil yang belum tumbuh gigi. Keduanya, *buyu resa* yang dikatakan membunuh perempuan yang sedang hamil. Jenis ketiga iaitu *buyu asa*, dikatakan membunuh anak gadis yang belum datang haid. Seterusnya ialah hantu *buyu nyangkai*, yang menyebabkan seseorang mengalami sakit dalam tempoh yang lama. *Buyu tembawai* merupakan jenis yang kelima. *Buyu tembawai* ini dikatakan roh si mati yang menjadi *buyu* dan berlegar-legar di kawasan "tembawai". Akhir sekali ialah *buyu meruk*. *Bintang buyu* pula memberi imej arketaip tentang kematian, kegelapan dan imej tidak ideal. Maksudnya si mati telah dahulu meninggalkan dunia dan berada dalam dunia kematian. 'Frasa 'ke dulu' melakang baruh takang bintang buyu' memberi maksud seseorang yang telah lama pergi meninggalkan dunia manusia, dalam





erti kata lain mati. Kematian, kegelapan dan pengalaman yang tidak ideal ada dalam imej arketaip bintang buyu ini.

Belum ada lagi kajian yang dijalankan berkaitan dengan penggunaan gaya bahasa dalam puisi *sabak*. Puisi *sabak* unik dan penggunaan perkataannya yang pelbagai. Puisinya yang panjang perlu diteroka dan salah satu aspek yang sangat menarik untuk dikaji ialah aspek gaya bahasa. Para pengkaji akan datang boleh menganalisis pelbagai penggunaan gaya bahasa dalam puisi *sabak* agar pembaca yang membaca kajian tersebut dapat memahami lebih mendalam lagi tentang puisi *sabak*. Kajian ini menyokong kajian lalu yang dapat menunjukkan manfaat leksikal dalam bahasa bagi menyerlahkan makna mesej dalam komunikasi (Anida Sarudin et al. (2019), Muhammad Fadzllah Zaini et al. (2020) dan Norismayanti Aida Idris et al. (2013).

## KESIMPULAN

Puisi *sabak* merupakan bait kata-kata yang indah yang digunakan oleh tukang *sabak* untuk meratapi si mati. Tukang *sabak* menggunakan pelbagai imej arketaip dalam puisinya sehingga mewujudkan maksud yang tersirat dan tidak langsung. Perkara ini mengindahkan lagi puisi *sabak* ini. Penggunaan imej arketaip juga menyebabkan puisi *sabak* berbeza daripada puisi yang lain. Kajian ini akan dapat membantu masyarakat untuk memahami makna imej arketaip yang digunakan dalam puisi *sabak* di samping membantu mahasiswa menjalankan kajian tentang puisi ini. Kajian ini juga berguna kepada pendidik dalam menerangkan maksud perkataan yang membawa maksud arketaip dalam teks.

## RUJUKAN

Adat Iban (1993). Majlis Adat Istiadat Iban, Sarawak.

Ann Casement (2001). *Carl Gustav Jung*. London: SAGE Publications.

Anthony Richards (1981). *An Iban-English Dictionary*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti

Anthony Richards (1966). *Leka Main Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau

Anthony Stephens (1994). *JUNG: A very Short Introduction*. United States: Oxford University Press.

Benedict Sandin (1962). *Sengalang Burung*. Kuching: Borneo Literature Bureau.

Benedict Sandin (1980). *Iban Adat and Augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Benedict Sandin (1966). *Leka Main Iban*. Kuching: Klasik Publishing House

Chemaline anak Osup (2011). *Litaricha Iban*. Bintulu: Pegari Iban Production

Chemaline anak Osup (2011). *Waris Daya Idup Iban Vol 1*. Bintulu: Pegari Iban Production

Chemaline anak Osup (2011). *Waris Daya Idup Iban Vol 11*. Bintulu: Pegari Iban Production

Chemaline anak Osup, Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Bentuk & Fungsi, diakses dari [http://eprints.ums.my/9122/leka main puisi rakyat Iban satu analisis .pdf](http://eprints.ums.my/9122/leka_main_puisi_rakyat_iban_satu_analisis.pdf).

Norismayanti Aida Idris, Anida Sarudin, Mohd Rashid Md. Idris (2013). Amalan guru dan penguasaan ilmu linguistik dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Perak. *Jurnal Pendeta*, 4, 2013, 116-141.

Drs. G. cremers SVD (1986). *Pendekatan terhadap Ketaksadaran terjemahan daripada Approaching the Unconscious (Carl Gustav Jung)*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia

Jimmy Donald (1991). *Nerengkah di Sebayang*. Kuching: Klasik Publishing House.

Jung, C.G (2003). *Memories, Dreams, Reflections*. Yogyakarta: Penerbit Jendela.

Muhammad Fadzllah Zaini, Anida Sarudin, Mazura Mastura Muhammad, Siti Saniah Abu Bakar (2020). Representatif Leksikal Ukuran sebagai Metafora Linguistik berdasarkan Teks Klasik Melayu. *GEMA Online@Journal of Language Studies*, Volume 20(2), May 2020, 168-187. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002->.

Marry Ann Mattoon (1981). *Jungian Psychology in Perspective*. New York: The Free Press: A Division of Macmillan Publishing Co., Inc.\

Matusky, Patricia (2012). Timang (Pengap), Pelian, and Sabak: Iban Leka Main Singing Stail. *Borneo Research Buletin*, Vol 43. P114-33-20p

Melling, Joshua., "Aspek Sosial Kebudayaan dan Kegamaan Masyarakat Iban di Sarawak" dlm. Adat Resam Penduduk Sarawak. Kuching: Kerajaan Negeri Sarawak, 1988.

Nalong anak Buda & Johnny anak Chuah (2007). *Gempung Jerita Tuai Bansa Iban*. Bintulu:

Robert Menua Saleh (2000). *Sabak*. Kuching: Tun Jugah Foundation.





- Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F., Osman, Z., Raja Ma'amor Shah, R. N. F., & Mohd Ariff Albkri, I. S. (2019). Menangani kekaburan kemahiran prosedur dan terminologi awal Matematik: Pendekatan leksis berdasarkan teori prosodi semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2), 255-294.
- Vinson H. Sultive (2013). Sabak-Assuaging Grief, Ngingit Issue 3. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Vinson & Joanne Sultive (2001). *The Encyclopediad of Iban Studies*, Vol. 1-3. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Vinson & Joanne Sultive (2002). *Tears of Sorrow, Words of Hope*. Kuching: The Tun Jugah Foundation
- Vinson H. Sultive, JR (1992). *The Iban of Sarawak: Cronicles of a vanishing world*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co
- Vinson & Joanne Sultive (1994). *Handy Reference Dictionary of Iban and English*. Kuching: Tun Jugah Foundation
- Vinson & Joanne Sultive (2001). *The encyclopedia of Iban Studies*, Vol 1-3. Kuching: Tun Jugah Foundation

## PENGHARGAAN

\*Penulisan kertas kerja ini ialah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Sarjana yang sedang diusahakan oleh penulis (Laura anak Seman), bersama penyelia (Prof. Madya Dr. Chemaline anak Osup) di Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.

